

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : 22 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8626**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa permohonan permit pekerja asing hanya boleh dibuat di Ibu Pejabat Imigresen di Putrajaya dan tidak melalui cawangan-cawangan imigresen atau secara online.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Dakwaan bahawa permohonan permit pekerja asing hanya boleh dibuat di Ibu Pejabat Imigresen di Putrajaya adalah tidak tepat.**

**Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini,**

**Permohonan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing boleh dibuat di setiap Ibu Pejabat Imigresen Negeri. Malah, Kerajaan telah memudah cara pembaharuan PLKS secara atas talian atau *online*.**